

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.3 (55)

4 April 2024
24 Ramadan 1445H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12/2024 PEMERKASAAN SEMULA PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Universiti telah meletakkan nilai integriti dan adab sebagai budaya utama yang perlu dihayati oleh semua warga Universiti dan program Pembudayaan Al-Quran merupakan sebahagian inisiatif untuk memperkukuhkan budaya ini.

2. Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UTM Bil. 3/2024 pada 7 Februari 2024 telah bersetuju untuk menjadikan program ini dikuatkuasakan semula sebagai program wajib Universiti dengan penambahbaikan seperti di jadual 1:

Jadual 1 : Butiran Program Pembudayaan Al-Quran

Masa Penganjuran Program	Hari	Masa	Kampus
	Khamis	8.15 – 9.15 pagi	Kampus UTM Johor Bahru Kampus UTM Pagoh
	Jumaat	8.45 – 9.45 pagi	Kampus UTM Kuala Lumpur
Medium Penyampaian Program	Program Pembudayaan Al-Quran boleh disertai melalui medium berikut: (1) Fizikal (bersemuka) (2) <i>Hybrid</i> berpusat di Masjid Sultan Ismail UTM (3) Secara dalam talian		
Modul Baharu Program Pembudayaan Al-Quran	Minggu	Tema	Pengisian Modul (1 Jam)
	1	Tafsir	al-Kahfi 1-10, Tilawah, Tajwid & Tadabbur (3T)
	2	Tafsir	al-Kahfi 1-10, Tilawah, Tajwid & Tadabbur (3T)
	3	Hadis Pilihan	al-Kahfi 1-10, Hadis Riyadussolihin
	4	ISES	al-Kahfi 1-10, ayat al-Quran dan hadis pilihan berkaitan ISES
	5	Umum	Isu Semasa

3. Semua PTJ adalah diminta untuk melaksanakan mesyuarat atau program selepas jam 9.15 pagi pada setiap hari Khamis bagi kampus UTM Johor Bahru dan UTM Pagoh, selepas jam 9.45 pagi hari Jumaat bagi kampus UTM Kuala Lumpur bagi memberi laluan staf menyertai program ini.
4. Penyertaan warga Universiti dalam Program Pembudayaan Al-Quran ini akan diberikan Mata CPD. Maklumat lanjut boleh dirujuk di pautan <https://islamiccentre.utm.my/penerbitan-terbitan-pusat-islam-utm/>.
5. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan program ini dengan kehadiran staf masing-masing. Semua staf diminta mengambil maklum terhadap pemerksaan pelaksanaan Program Pembudayaan Al-Quran melalui pemerksaan semula.
6. Sehubungan dengan itu, Pekeliling Pentadbiran Bil. 13/2014 bertarikh 28 April 2014 berkaitan pelaksanaan Program Pembudayaan Al-Quran secara berpusat di kalangan warga Islam UTM adalah tidak terpakai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah